



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 14 Tahun 2013**

### **TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2013**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling ini bertujuan untuk mempelawa Staf Pentadbiran Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Syarat dalam skim perkhidmatan:

2.1 Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:-

- (i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan

3. Seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika staf itu telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya:

3.1 Selain itu, seseorang pegawai yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- (ii) Telah menandatangani Surat Aku Janji: dan
- (iii) Telah mengisyiharkan harta.

4. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.

## **PELAKSANAAN**

5. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Kenaikan Pangkat** dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
- ii. Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- iii. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- iv. Hanya pemohon yang telah disenarai pilih sahaja akan dipanggil untuk sesi temubual dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak kami dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaraian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
- v. Penempatan bagi calon-calon yang berjaya adalah tertakluk kepada Waran Perjawatan yang telah ditetapkan dan juga keputusan pihak Pengurusan Universiti. Pihak Pengurusan Universiti juga berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.

- vi. Salinan sijil-sijil penghargaan/latihan/lantikan Jawatankuasa/lain-lain berkaitan **TIDAK** perlu disertakan. Salinan asal sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temuduga.
- vii. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 10 Mei 2013.**  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini *tidak* akan dilayan)

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

7. Pekeliling dikeluarkan pada 26 April 2013.

#### **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 26 April 2013.



**DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**  
Pendaftar

*Dikelilingkan Kepada:*

*Rektor Universiti Teknologi MARA, Sarawak  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit, Universiti Teknologi MARA, Sarawak*

Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(UDG/14/2013)

**Lampiran 1**

**Kumpulan Pelaksana (D)**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Jumlah Kekosongan dan Penempatan</b>	<b>Kategori Staf Yang Layak Memohon</b>
1.	Pengawal Keselamatan	KP14	Universiti Teknologi MARA (Sarawak) Kampus Samarahan (1)	Universiti Teknologi MARA (Sarawak) Sahaja
2.	Pemandu	R6	Universiti Teknologi MARA (Sarawak) Kampus Samarahan (1)	Universiti Teknologi MARA (Sarawak) Sahaja

**Kumpulan Pelaksana (D)**

1. i). *Jawatan* : ***Pengawal Keselamatan Kanan***  
ii). *Gred Jawatan* : ***KP14***  
iii). *Kekosongan* : ***1***  
iv). *Penempatan* : ***Universiti Teknologi MARA (Sarawak)***  
v). *Syarat Kelayakan* :

Pengawal Keselamatan Gred KP11 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;
- b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- vi). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : ***Gred Gaji KP14***

<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>	<b>Kadar KGT</b>
RM 1575.24	RM 2860.03	RM 90.00

2. i). *Jawatan* : **Pemandu Kanan**  
ii). *Gred Jawatan* : **R6**  
iii). *Kekosongan* : **1**  
iv). *Penempatan* : **Universiti Teknologi MARA (Sarawak)**  
v). *Syarat Kelayakan* :

Pemandu Gred R3 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Gred R6 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;
- b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- c). mempunyai lesen memandu yang sah dan bersesuaian untuk memandu kendaraan/jentera yang beratnya melebihi 5000kg; dan
- d). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- vi). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : **Gred Gaji R6**

<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>	<b>Kadar KGT</b>
RM 980.89	RM 2096.37	RM 80.00